

Obses cantik jangan ambil risiko guna produk sembarangan

Cantik? Dengar sahaja perkataan ini pasti ramai tersenyum lebar. Apabila sebut sahaja tentang cantik, pastinya topik ini lebih tertumpu kepada kaum hawa. Kata orang, dari mata turun ke hati, peribahasa ini memberi gambaran bahawa setiap perkara bermula dengan pandangan pertama.

Sebagai wanita pastinya kita tidak terlepas daripada keinginan untuk menjadi cantik. Rata-rata dari kaum hawa pastinya mengimpikan kecantikan yang sempurna dari hujung rambut hingga ke hujung kaki.

Dunia kecantikan semakin berkembang seiring perkembangan sains dan teknologi. Sekarang ini, terdapat banyak produk kecantikan yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan.

Terdapat pelbagai jenis kosmetik dan produk kecantikan di luar sa-

na yang berdaftar di bawah kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kini, pelbagai produk kecantikan atau kosmetik dari dalam atau luar negara sering menjadi sebutan golongan wanita.

Pengaruh artis

Tidak ketinggalan, media massa kini banyak mempamerkan gaya hidup artis antarabangsa seperti bintang k-pop hingga menjadi iktan atau trend gadis yang mendambakan kecantikan sempurna hingga meniru gaya idola mereka.

Tanpa mereka sedari, hakikatnya sesetengah daripada kaedah yang diguna pakai bukan semuanya selamat, termasuklah merisikokan diri sendiri.

Gara-gara ingin tampil cantik dan menawan, ada juga yang sanggup melakukan apa sahaja terma-

suk pembedahan semata-mata untuk kelihatan jelita sepanjang masa.

Tidak dinafikan, ada juga yang agak obses atau kata lainnya ta-sub dengan kecantikan luaran sehinggakan melanggar batas syariat Islam.

Antara obsesi yang sering menjadi kegilaan rata-rata wanita di luar sana adalah seperti membesarkan payudara, menyedut lemak, botox atau suntikan pada wajah dan pelbagai lagi kaedah estetik yang lain.

Bagi sesetengah golongan wanita, walaupun bayaran yang dikenakan agak mahal bagi sesetengah golongan kelas bawahan, namun ianya bukan menjadi tembok penghalang bagi wanita mendapatkan rawatan.

Ujar mereka, mahal atau murah bukanlah masalah yang penting untuk dibahaskan kerana kecant-

ikan perlu diutamakan terlebih dahulu.

Keadaan ini kerap berlaku ke atas golongan wanita yang berada di bandar. Gambaran seperti ini dapat dibuktikan apabila munculnya produk keluaran terbaharu di pasaran.

Namun demikian, menjadi cantik tidak bererti kita perlu memilih risiko. Cantik adalah sihat tubuh badan dan sihat jiwa. Percayalah, kita akan kelihatan lebih cantik dengan kelakuan dan perangai yang cantik.

Wajah yang dihiasi oleh cahaya keimanan, pasti akan menyerlahkan kecantikan semula jadi dan mampu meraih perhatian sesiapa sahaja, itulah cantik semula jadi.

Lebih utama lagi, biar sahaja kecantikan itu dapat meraih perhatian dan keredaan Allah SWT, kerana perhatian Allah SWT lebih

besar manfaatnya berbanding perhatian manusia. Mahu cantik tidak salah dari sudut agama bahkan Allah SWT amat menyukai akan segala hal yang cantik lagi indah.

Apapun, sebagai seorang pengguna yang bijak, seeloknya periksa dahulu sesuatu produk sebelum memakainya kerana sesetengah daripada kita mempunyai kulit sensitif.

Walau bagaimanapun, ingatlah bahawa kecantikan itu bukanlah hanya pada luaran sahaja kerana persepsi cantik pada setiap orang itu berbeza-beza.

Harus diingat, yang paling penting adalah kecantikan dalaman termasuklah beradab, sopan-santun, berbudi bahasa dan sebagainya.



Shahirah Shuhaimi

Universiti Sains Islam Malaysia